

PERSEDIAAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN ROHANI TERHADAP ANAK-ANAK: KAJIAN DI TAMAN BATU PERMAI, KUALA LUMPUR.

Maznah Binti Ali & Zakiah Binti Zakaria
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dilakukan untuk mengetahui persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak. Seramai 62 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada ibu bapa Muslim di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 30 item soalan sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 12.0. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ini ialah $\alpha = 0.817$. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anakanak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.51. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Abstract: This study was carried out to identify parents' preparation of spiritual education for children. A total of sixty respondents of Muslim parents in Taman Batu Permai, Kuala Lumpur were involved in this study. This study was conducted by using quantitative method which is a set of questionnaire consisted of 30 items as the instrument. The descriptive statistical analysis was carried out to obtain the frequency value, percentage and mean. The data were analyzed by using the statistical package of social sciences (SPSS) software) for window version 12.0. The reliability value of this questionnaire was $\alpha = 0.817$. In general, the findings of this study showed that parents' preparation of Islamic educations for the children was at high level which is 4.51 as the mean value. At the end of the study, the researcher had proposed several suggestions to the related parties to ensure the full attention is paid towards the studied problems. Suggestions for further research were also been proposed for the future.

Katakunci: anak-anak, ibu bapa, pendidikan rohani

Pengenalan

Pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa boleh mengubah fitrah anak-anak. Ibu bapa bertanggungjawab menjaga anak-anak mereka dari segi perkembangan jasmani, kerohanian, minda dan daripada ditimpa kesusahan atau kemudaratan. Kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan untuk menjangka akibat sesuatu perkara ke atas diri mereka dan mereka juga tidak tahu membezakan perkara yang membawa manfaat atau sebaliknya (Abdul Monir Yaacob dalam Azrina Sobian, 2007:45-52).

Corak pendidikan dan kebiasaan anak-anak sewaktu kecil sehingga remaja dijadikan kayu pengukur kepada pembentukan peribadi anak-anak apabila dewasa. Seorang dewasa yang beretika, berdisiplin dan berbudi bahasa adalah datang daripada kelompok kanak-kanak yang terdidik dengan etika, disiplin dan berbudi bahasa. Begitu juga sebaliknya, seorang dewasa yang kejam, ganas dan tidak beretika datangnya daripada kelompok kanak-kanak dan remaja yang terbiasa dengan persekitaran yang kejam, ganas dan tidak beretika (Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom, 2007: 31).

Penyataan Masalah

Dewasa ini, keruntuhan akhlak dan moral, masalah sosial, jenayah dan banyak lagi semakin berleluasa dalam kalangan anak-anak terutamanya remaja. Masalah ini tidak pernah reda malah semakin menjadi-jadi dari hari ke hari. Malah, ada dalam kalangan mereka cemerlang dalam bidang akademik tetapi pincang dari segi akhlaknya. Hal ini semakin membimbangkan. Aspek pendidikan rohani pula semakin jauh daripada diri anak-anak. Bahkan apa yang lebih merunsingkan lagi adalah pendidikan rohani ini seakan tidak nampak atau kelihatan pada anak-anak zaman sekarang.

Melihat kepada beberapa permasalahan yang timbul terutamanya masalah anak-anak muda masa kini, penyelidik berminat untuk mengkaji apakah persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak.
2. Untuk mengenalpasti cara penerapan pendidikan rohani yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak.
3. Untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi ibu bapa dalam memberi pendidikan rohani kepada anak-anak.

Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam terutamanya ibu bapa. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut:

1. Mengetahui gambaran sebenar persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak.
2. Membantu ibu bapa dan masyarakat Islam bagi mengatasi kepincangan akhlak dan masalah sosial anak-anak masa kini.
3. Membantu pihak kerajaan bagi memantapkan lagi sistem pendidikan yang ada agar mampu membina generasi yang seimbang dari segi sahsiah dan akademik.

Metodologi

Populasi Kajian dan Sampel Kajian

Menurut Mohamad Najib (1999: 37), populasi merupakan semua ahli di dalam suatu kelompok. Populasi juga merupakan sumber data atau maklumat yang diperolehi berkenaan penyelidikan yang dijalankan. Sementara sampel pula adalah cabutan kes atau subjek daripada sesuatu populasi (Sidek Mohd Noah, 2002: 85). Sampel merupakan kajian yang melibatkan penghuraian keseluruhan kepada satu populasi sebagai mewakili penerangan yang tepat tentang populasi.

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 170 orang ibu bapa muslim di Taman Batu Permai. Kajian ini mengambil 35% daripada populasi sebagai sampel kajian iaitu seramai 60 orang. Menurut Mohd Najib

Abd.Ghafar (2003:38), persampelan yang diambil 30% daripada jumlah populasi adalah sudah mencukupi. Penyelidik memilih secara rawak mudah ibu dan bapa untuk dijadikan sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperoleh dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:40). Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

1. Pengumpulan Data Primer

Data primer dalam kajian ini merujuk kepada set soal selidik yang diedarkan kepada para responden.

Soal Selidik

Dalam kajian ini penyelidik telah memilih instrumen kajian yang berbentuk soal selidik. Penyelidik merasakan penggunaan soal selidik menepati sebagai kaedah untuk mendapatkan data kajian disebabkan kaedah ini mudah untuk dikendalikan dan mudah untuk mendapatkan kerjasama responden. Responden bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Set soal selidik yang disediakan terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Pembinaan sebahagian instrumen diubah suai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain iaitu Noor Hamimah Binti Sobari manakala sebahagian lagi dibina sendiri oleh penyelidik.

Bahagian A

Bahagian A set soal selidik ini mengandungi enam item untuk mendapatkan data mengenai maklumat diri responden. Ia terdiri daripada aspek status diri, umur, bilangan anak, pekerjaan, kelulusan akademik dan pendapatan.

Bahagian B, C dan D

Bahagian B, C dan D menumpukan kepada 30 item bagi mendapatkan maklumat untuk mengetahui persediaan ibu bapa di Taman Batu Permai dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak.

Borang soal selidik ini memerlukan responden menanda bulat pada jawapan yang bersesuaian dengan tajuk kajian sahaja. Jawapan bagi soalan-soalan di dalam bahagian ini diwakili oleh skala likert yang mempunyai lima maklum balas dan membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan yang disediakan.

2. Pengumpulan data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekali gus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperolehi melalui:

- i. Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah, (PSZ) UTM.
- ii. Buku-buku di Perpustakaan Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.
- iii. Buku-buku dan kertas projek (tesis) di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- iv. Buku-buku di Perpustakaan Institut Perguruan Temenggung Ibrahim
- v. Buku-buku di Perpustakaan Awam Kg. Raja, Besut.
- vi. Jurnal, surat khabar dan internet.

Kajian Rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada penyelidik menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan seterusnya menguji kesahan item. Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 62), sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi daripada individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza.

Kajian rintis ini dijalankan di Taman Sri Pulai. Seramai 10 orang ibu bapa di Taman Sri Pulai yang tidak terlibat dalam kajian sebenar telah dipilih secara rawak mudah. Sampel kajian rintis ini terdiri daripada ibu bapa muslim kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel sebenar. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan nilai alpha 0.817. Menurut Mohd. Najib Abd. Ghafar (2003: 161), nilai alpha yang lebih daripada 0.8 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini menunjukkan soal selidik yang digunakan untuk kajian rintis boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Perbincangan

Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengenai latar belakang responden. Ia mengandungi enam item soalan iaitu status diri, umur, bilangan anak, pekerjaan, kelulusan akademik dan pendapatan.

Maklumat latar belakang yang pertama ialah status diri. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, taburan responden yang paling ramai ialah kaum ibu iaitu 38 orang (63.3%) diikuti bapa seramai 22 orang (36.7%). Perbezaan ini terjadi kerana penyelidik tidak menetapkan syarat jantina responden. Item ini adalah penting bagi melihat sama ada responden adalah ibu atau bapa memandangkan kedua-dua pihak ini saling memainkan peranan dalam mendidik anak-anak.

Analisis seterusnya berkaitan dengan taburan umur responden. Majoriti responden berumur antara 31-35 tahun iaitu dengan peratusan 35.0%. Diikuti 28.3% berumur antara 36-40 tahun dan 23.3% berumur 41

tahun ke atas. Manakala yang lain berumur antara 26-30 tahun (11.7%) dan yang terendah berumur antara 20-25 tahun (1.7%). Dapatan menunjukkan ibu bapa terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Item ini menjadi pilihan penyelidik untuk melihat kematangan fikiran dan tindakan responden yang memungkinkan terdapat perbezaan dalam persediaan dan usaha mendidik anak.

Manakala taburan bilangan anak responden menunjukkan majoriti responden memiliki anak antara 1-3 orang dengan peratusan 61.7%. Manakala yang memiliki anak antara 4-6 orang sebanyak 35.0%. Selebihnya memiliki anak antara 7-9 orang iaitu 3.3%. Item ini untuk melihat sejauhmana tahap usaha dan keprihatinan responden dalam memberi perhatian untuk membangunkan peribadi anak.

Taburan pekerjaan responden pula menunjukkan majoriti responden bekerja di sektor kerajaan dengan peratusan 50.0%. Responden yang bekerja di sektor swasta pula seramai 30.0% manakala selebihnya bekerja di sendiri (6.7%), pesara (3.3%) dan tidak bekerja (10.0%). Item ini menjadi pilihan penyelidik untuk melihat scenario sebenar mengenai sejauhmana usaha mereka menerapkan nilai Islam memandangkan situasi sekarang kebanyakannya ramai yang bekerja.

Berdasarkan kelulusan akademik responden, peratusan tertinggi menunjukkan majoriti responden berkelulusan ijazah iaitu 45.0%. Diikuti responden yang berkelulusan SPM/MCE sebanyak 28.3%. Responden yang berkelulusan diploma adalah 16.7%. Selebihnya berkelulusan STPM/HSC, PMR/SRP/LCE, dan lain-lain, masing-masing mencatatkan 3.3%. Ini menunjukkan responden adalah dari pelbagai latar belakang pendidikan. Item ini untuk melihat sama ada tahap pendidikan responden memungkinkan terdapatnya perbezaan dalam kaedah dan pendekatan mendidik anak.

Item terakhir dalam maklumat latar belakang responden ialah pendapatan responden. Dapatan analisis menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan antara RM 2001 ke RM 3000 dengan peratusan 36.7%. Manakala responden yang mempunyai pendapatan antara RM 1001 ke RM 2000 ialah 30.0%. Selebihnya berpendapatan antara RM 3001 ke atas (8.3%), RM 1000 ke bawah (15.0%) dan tiada pendapatan (10.0%). Hasil analisis ini berguna untuk melihat taraf hidup dan kemampuan responden menyediakan kemudahan terhadap anak-anak. Menurut Mohd Ismail Mustari (2004: 24), kedudukan kewangan sesebuah keluarga akan menentukan jenis kemudahan yang boleh disediakan untuk anak-anak.

Bahagian B: Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan rohani Terhadap Anak-Anak

Bagi mencapai objektif pertama, penyelidik mengemukakan 10 item soalan berkaitan persoalan kajian. Kesemua item soalan yang dikemukakan adalah untuk mengetahui persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak. Berdasarkan hasil kajian, item ke-8 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.70. Responden (100%) bersetuju bahawa mereka amat menitikberatkan pendidikan agama dalam kaedah mendidik anak-anak. Ini menunjukkan responden mementingkan pendidikan agama dalam pendidikan anak-anak mereka. Menurut Hasan Hj. Ali (1996: 79), ibu bapa haruslah bersedia mendidik anak-anak dan menentukan mereka memahami segala peraturan dan kaedah-kaedah syariat, tahu meletakkan setiap perkara pada tempatnya dan mendidik menurut pendidikan dan cara yang benar.

Selain itu, item ke-2 menunjukkan responden (100%) mementingkan aspek agama dalam pemilihan calon suami/isteri sebagai persediaan mendidik anak-anak dengan nilai min 4.68. Responden maklum bahawa aspek agama paling diutamakan di sisi Islam. Menurut Adil Fathi Abdullah (2007:32), ajaran Islam telah memberikan panduan kepada kaum lelaki agar memilih wanita salihah untuk dijadikan pasangan hidup. Islam juga memberikan panduan kepada kaum wanita dan walinya untuk memilih seorang suami yang baik. Hal ini kerana aspek agama adalah amat penting untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Manakala item ke-4 dan ke-10 pula menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.32. Namun ia masih berada pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada Mohamad Najib (2003:144). Masing-masing responden

(88.3%) bersetuju bahawa mereka menyediakan kemudahan dan kelengkapan pembelajaran agama di rumah seperti buku, majalah, cd dan lain-lain serta sentiasa memastikan suasana dan kelengkapan di rumah tidak ada unsur-unsur hiburan melampau yang boleh merosakkan jiwa anak-anak. Ini menunjukkan mereka sentiasa mewujudkan suasana yang baik di rumah.

Menurut pendapat Aishah Hassan (1988: 86), pendidikan memainkan peranan dalam menyuburkan asas tauhid, membentuk akhlak yang mulia, jiwa yang murni dan adab-adab yang dituntut oleh syara'. Terdapat dua faktor yang saling berkait antara satu sama lain dalam usaha kita mendidik anak-anak tentang iman yang haq, akhlak yang mulia dan roh atau jiwa yang suci. Faktor-faktor itu ialah:

- i. Pendidikan Islamiah yang sempurna
- ii. Bi'ah Salihah iaitu suasana yang sihat atau baik.

Berdasarkan objektif pertama yang dibincangkan, didapati nilai min secara keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 4.51. Ini menunjukkan responden memberikan maklum balas yang positif terhadap persoalan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan ibu bapa sentiasa memastikan dirinya serta rumah tangga yang dibina mengamalkan ajaran dan tuntutan Islam, sentiasa mendalami ilmu pendidikan akhlak, ibadah dan syariah, mempertingkatkan ilmu agama dengan membaca buku, mendengar ceramah dan sebagainya sebagai persediaan mendidik anak-anak. Menurut Amina Hj. Noor (1999:27), ibu bapa adalah sebagai contoh kepada anak-anak, maka mereka perlu memperbaiki diri dengan mempertingkatkan ilmu agama daripada orang yang lebih arif, menimba pengalaman daripada orang lain mengenai pendidikan anak-anak serta mencari ilmu melalui seminar, membaca buku dan sebagainya sebelum mendidik anak-anak dengan nilai murni dan aspek keagamaan.

Bahagian C: Cara Penerapan Pendidikan Rohani Yang Digunakan Oleh Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak

Bagi objektif kedua, penyelidik telah mengemukakan 10 item soalan berkaitan persoalan kajian. Kesemua item soalan yang dikemukakan untuk mengetahui cara penerapan pendidikan rohani yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Berdasarkan hasil kajian, item ke-15 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.67. Responden (98.3%) bersetuju bahawa mereka sentiasa mengingatkan anak-anak agar mengamalkan tutur kata yang sopan kepada sesiapa sahaja. Ini menunjukkan responden sentiasa inginkan anak mereka berada di jalan yang lurus dan benar. Sebagaimana pendapat Abdul Ghani Ahmad Naji (1991:20), Islam mengatakan bahawa kanak-kanak merupakan generasi pada masa akan datang. Oleh itu, apabila mereka telah mempunyai persediaan belajar, maka hendaklah diajarkan kepada mereka dengan ajaran dan pendidikan yang baik dan dibiasakannya dengan adat resam dan akhlak yang mulia.

Selain itu, responden (100%) akan menasihati anak-anak sekiranya mendapati mereka melakukan perkara yang menyimpang daripada syariat Islam. Nilai min item ke-13 ini ialah 4.65. Ini menunjukkan responden menggunakan kaedah menasihati dalam mendidik anak-anak. Menurut Zahazan Mohamed (2006:28-29), al-Quran menyuruh ibu bapa mendidik anak-anak dengan menggunakan kasih sayang dan menggunakan percakapan yang menunjukkan kasih sayang. Perlu bagi ibu bapa menyertakan bersama nasihat-nasihatnya, harapan yang tinggi, menakutkannya dengan hukuman, memuji dan sebagainya. Ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ يُتَنَفَعُ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.

(Surah Adz Dzariyaat 51:55)

Manakala item ke-16 pula menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.02. Namun ia juga masih berada pada tahap yang tinggi. Responden (75.0%) bersetuju bahawa mereka sentiasa membaca buku-buku agama bersama anak-anak. Ini menunjukkan ibu bapa sentiasa meluangkan masa membaca dan menyediakan buku-buku agama kepada anak-anak. Ia sebagaimana pendapat Khalid Abdurrahman Al-'Ikk (2008:267), ibu bapa perlu memilih buku-buku bacaan yang sesuai untuk anak-anak kecil khususnya bagi mereka yang berumur tujuh tahun. Seterusnya buku-buku pengetahuan bersesuaian dengan anak-anak yang berusia sembilan tahun. Sangat penting bagi ibu bapa mengajak anak-anak membaca buku-buku agama mulai dengan al-Quran dan al-Sunnah serta tafsirannya, Sejarah Islam, Fiqh Islam dan lainlain agar mereka terarah kepada perkara yang positif dan berilmiah.

Berdasarkan objektif kedua yang dibincangkan, didapati nilai min secara keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 4.35. Ini menunjukkan bahawa responden memberikan maklum balas yang positif terhadap setiap item yang dikemukakan. Dapatan menunjukkan ibu bapa sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik bagi membiasakan anak berakhlak mulia, mengajar tentang asas-asas fardhu ain seperti solat, puasa dan sebagainya kepada anak-anak serta menegur anak-anak untuk memberi kesedaran di atas kesilapan mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad Shalabi (1976:246-247), sesungguhnya pendidikan kanak-kanak dalam Islam tidaklah terbatas kepada usaha-usaha untuk mengajar mereka sahaja, akan tetapi berlanjutan sehingga mendidik budi pekertinya dan menghidupkan semangatsemangat yang suci dalam jiwanya dan membimbing mereka kepada adat-adat yang terpuji serta menggariskan untuk mereka cara-cara yang membolehkan mereka menjadi manusia yang berjaya dan patuh, yang akan memberi manfaat kepada agama, negara dan dirinya sendiri.

Bahagian D: Masalah Yang Dihadapi Ibu Bapa Dalam Memberi Pendidikan Rohani Kepada Anak-Anak.

Objektif kajian yang ketiga dan terakhir diwujudkan bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh ibu bapa dalam memberi pendidikan rohani kepada anak-anak. Terdapat 10 item yang disediakan untuk menjawab persoalan kajian. Melalui analisis ini, kurangnya ilmu agama dilihat masalah utama bagi ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Item pertama ini menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.63. Responden (100%) bersetuju bahawa kekurangan ilmu agama menyebabkan ibu bapa gagal mendidik anak mengikut syariat Islam. Kenyataan ini hampir dengan pendapat Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad (1998: 58), punca utama berlakunya semua masalah ini adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan tentang agama Islam dan ini menyebabkan umat Islam itu sendiri mempunyai iman yang lemah. Menurut Dr. Hasan Hj. Ali (1996: 79), kajian menunjukkan bahawa anak-anak yang tidak mendapat bimbingan agama akan menjadi anak-anak yang bermasalah bukan sahaja pada diri mereka sendiri malah kepada ibu bapa, masyarakat dan negara.

Seterusnya, item ke-22 dengan nilai min 4.47 menunjukkan responden (96.7%) bersetuju bahawa kekurangan ilmu keibubapaan menyebabkan anak-anak tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Menurut Noor Laily dalam Azrina Sobian (2007:101), laporan yang sering disiarkan oleh media massa dan elektronik menunjukkan bahawa masalah sosial telah sampai ke tahap kritikal. Masalah ini menimbulkan persoalan tentang tahap kemahiran keibubapaan ibu bapa masa kini. Ibu bapa mestilah diiktiraf sebagai satu profesion yang perlu dibekalkan dengan ilmu bagi membina kemahiran keibubapaan

mereka. Kemahiran keibubapaan ini penting dalam mendidik dan menangani masalah yang berlaku dalam keluarga.

Manakala item ke-26 pula menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.57. Ia berada pada tahap sederhana. Responden (60.0%) mengatakan kesempitan hidup adalah salah satu faktor ibu bapa membiarkan anak-anak bekerja dan mengabaikan soal pelajaran. Menurut Adil Fathi Abdullah (2007:180), kemiskinan boleh menyebabkan hidup anak-anak menjadi sengsara dan tidak mendapat pendidikan yang selayaknya. Hal ini kerana ibu bapa mereka tidak mampu memberikan nafkah dan menyediakan kemudahan.

Berdasarkan objektif ketiga yang dibincangkan, didapati nilai min secara keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 4.14. Tahap persetujuan yang tinggi ini menunjukkan responden bersetuju bahawa setiap item yang diajukan merupakan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam memberi pendidikan rohani kepada anakanak. Hiburan yang melampau, globalisasi, media massa, rakan sebaya dan kemudahan IT boleh mempengaruhi anak-anak masa kini. Menurut Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam Azrina Sobian (2007:5), mendidik anak pada era ini adalah satu cabaran yang besar terhadap para ibu bapa. Dalam keadaan ibu bapa kesuntukan masa untuk mendidik anak-anak dengan nilai-nilai yang sepatutnya, anak-anak pula terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang lebih dominan.

Rumusan

Mengenal Pasti Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak.

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya, persediaan ibu bapa dalam pendidikan rohani terhadap anak-anak berada pada tahap yang tinggi. Majoriti responden amat menitikberatkan pendidikan agama dalam kaedah mendidik anak-anak. Responden juga amat mementingkan aspek agama dalam pemilihan calon suami/isteri bagi membuat persediaan mendidik anak-anak di samping sentiasa memastikan rumah tangga yang dibina mengamalkan ajaran dan tuntutan Islam.

Mengenal Pasti Cara Penerapan Pendidikan Rohani Yang Digunakan Oleh Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak.

Secara keseluruhannya cara penerapan pendidikan rohani yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah berada pada tahap yang tinggi. Cara yang digunakan ibu bapa dalam menerapkan pendidikan rohani terhadap anak-anak ialah dengan sentiasa mengingatkan anak-anak agar mengamalkan tutur kata yang sopan kepada sesiapa sahaja. Responden juga akan menasihati anak-anak sekiranya mendapati mereka melakukan perkara yang menyimpang daripada syariat Islam. Bagi membiasakan anak berakhlak mulia, mereka sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik.

Mengenal Pasti Masalah Yang Dihadapi Ibu Bapa Dalam Memberi Pendidikan Rohani Kepada Anak-Anak.

Secara keseluruhannya masalah yang dihadapi ibu bapa dalam memberi pendidikan rohani kepada anak-anak juga berada pada tahap yang tinggi. Majoriti responden mempunyai masalah dalam mendidik anak-anak. Responden mengatakan bahawa kekurangan ilmu agama penyebab ibu bapa gagal mendidik anak mengikut syariat Islam. Selain itu, kekurangan ilmu keibubapaan juga menyebabkan anak-anak tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Unsur luaran seperti hiburan yang melampau, globalisasi dan media massa boleh mempengaruhi anak-anak masa kini. Namun begitu, ada segelintir responden yang tidak bersetuju bahawa kesempitan hidup adalah salah satu faktor ibu bapa membiarkan anak-anak bekerja dan mengabaikan soal pelajaran.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdul Azwar Manaf (1997). *Petua Membentuk Anak Pintar Dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Abdul Ghani Ahmad Naji (1991). *Ibu Dan Anak Menurut Pandangan Islam*. Terj. Nik Ismah Hj. Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

‘Abdul Halim El-Muhammady, Dr. (1984). *Falsafah Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam* dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Monir Yaacob (2007). *Membentuk Keluarga Menerusi Nilai-Nilai Kekeluargaan Islam*. Dlm. Azrina Sobian. *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.

Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh (1972). *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.

Abdullah Jusuh (1989). *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka Dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*, jilid 1 cetakan pertama terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.

Abdullah Nasih Ulwan (2002). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*, jilid 2 cetakan kesembilan terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.

Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid, Suffean Hussin, Che Hussin Hassan (2006), *“Krisis dan Konflik Institusi Keluarga”*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Salam Muhamad Shukri, Dr. (2004). *Panduan Mengajar Akidah Kanak-Kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.

Abu Fuad Firdaus Ahmad Sanusi (2005). *Pedoman Pendidikan Islam Sejak Anak Dalam Kandungan Hingga Dewasa*. Pustaka Abu Hurairah.

‘Adil Fathi Abdullah (2007). *Membentuk Keluarga Idaman*. Jakarta: Embun Publishing.

Ahmad Iman Arif dan Supiyaton Hj. Mokti (2006). *Akhlak Yang Mulia* (Siri Islam Asas Kehidupan). Kuala Lumpur: Sabunai Media Sdn.Bhd.

Ahmad Mahmood Musanif (2001). *Kamus Pelajar Karisma*. Selangor: Karisma Publications Sdn.Bhd.